

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU

RUMAH MELAYU MINANGKABAU DI REMBAU : SATU KAJIAN  
TENTANG STRUKTUR, FUNGSI DAN SENI UKIR

oleh

RUZIATI MUSTAFA

Latihan ilmiah ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi  
sebahagian keperluan ijazah Sarjanamuda Sastera (dengan kepujian)  
pada sesi 1991/92

Penyelia

2 APRIL 1992

Tarikh

Ketua  
Jabatan Persuratan Melayu

3 APRIL 1992

Tarikh

Rumah Melayu Minangkabau di Rembau :  
Satu Kajian Tentang Struktur, Fungsi dan Seni Ukir

Oleh  
Ruziati Mustafa

Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk  
memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-  
syarat bagi Ijazah Sarjanamuda  
Sastera Dengan Kepujian

Jabatan Persuratan Melayu  
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1992

Dedikasi Buat :

Ayahanda bonda tercinta yang  
memberi kasih tiada terhingga  
Anak-anak saudara.....  
Semoga akan jadi warga yang  
menghargai warisan bangsa.  
Jua  
'A' yang mesra di hati.

## KANDUNGAN

|                                                              | Halaman<br>----- |
|--------------------------------------------------------------|------------------|
| Pengakuan                                                    | ii               |
| Penghargaan                                                  | iii-iv           |
| Sinopsis                                                     | v                |
| Senarai Gambar                                               | vi - vii         |
| Senarai Rajah                                                |                  |
| Pendahuluan                                                  | viii-xiii        |
| Bab I - SEJARAH DAN SISTEM SOSIAL<br>MASYARAKAT REMBAU       |                  |
| 1.1 Pengenalan                                               | 1                |
| 1.2 Sejarah Rembau Sepintas Lalu                             | 2-9              |
| 1.3 Sistem Sosial Masyarakat                                 | 9-12             |
| 1.3.1 Kekeluargaan                                           | 12-14            |
| 1.3.2 Perkahwinan                                            | 14-16            |
| 1.3.3 Sistem Ekonomi                                         | 16-17            |
| 1.3.3.1 Merantau                                             | 17-18            |
| 1.3.3.2 Pewarisan                                            | 18-22            |
| 1.3.4 Sistem Politik                                         | 22-31            |
| Bab II SENIBINA RUMAH MELAYU                                 |                  |
| 2.1 Konsep Senibina Melayu                                   | 32-39            |
| 2.2 Bentuk-bentuk Rumah Tradisi<br>Melayu di Negeri Sembilan | 40               |
| 2.2.1 Bentuk Bumbung Panjang                                 | 41-56            |
| 2.2.2 Bentuk Limas                                           | 57-63            |
| 2.3 Pengenalan Rumah Kajian                                  | 64-65            |

|                             |       |
|-----------------------------|-------|
| 2.3.1 Struktur Rumah Melayu | 67-68 |
|-----------------------------|-------|

### Bab III STRUKTUR DAN FUNGSI RUMAH KAJIAN

|                             |       |
|-----------------------------|-------|
| 3.1 Perenggan Bumbung       | 69-73 |
| 3.2 Perenggan Badan Rumah   | 73-81 |
| 3.3 Perenggan Kaki Rumah    | 81-86 |
| 3.4 Konsep dan Fungsi Ruang | 86-87 |
| 3.4.1 Serambi               | 87-89 |
| 3.4.2 Ruang Tengah          | 89-92 |
| 3.4.3 Bahagian Belakang     | 92-93 |

### Bab IV SENI UKIRAN KAYU MELAYU

|                                                      |                    |
|------------------------------------------------------|--------------------|
| 4.1 Konsep Dan Sejarah Seni Ukir                     | 94-96              |
| 4.1.1 Seni Ukiran Kayu Melayu                        | 96-99              |
| 4.1.2 Pengaruh dan Unsur Dalam<br>Ukiran Kayu Melayu | 99-103<br>103-105  |
| 4.1.2.1 Unsur Organik                                | 105-106            |
| 4.1.2.2 Seni Ukiran Kayu<br>Negeri Sembilan          | 107-108<br>108-109 |
| 4.2 Ukiran Yang Biasa Pada Rumah<br>Minangkabau      |                    |
| 4.2.1 Alam Minangkabau                               | 108-109            |
| 4.2.2 Rumah Gadang                                   | 109-111            |
| 4.2.3 Ukiran Pada Rumah Gadang                       | 111-114            |
| 4.3 Bentuk Dan Motif Ukiran Rumah Kajian             | 119-125            |

|                  |         |
|------------------|---------|
| Bab V KESIMPULAN | 126-133 |
|------------------|---------|

|             |         |
|-------------|---------|
| Bibliografi | 134-138 |
|-------------|---------|

"Saya akui karya ini adalah  
hasil kerja saya sendiri kecuali  
nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap satunya  
telah saya jelaskan sumbernya".

Tarikh

3/4/92...

Ruziati Mustafa

...*Ruziati*...

## PENGHARGAAN

Syukur dan segala puji-pujian ke haderat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya dapat penulis menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Penulis mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan yang tidak ternilai untuk menjayakan latihan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih untuk Encik Lokman, pensyarah Jabatan Persuratan Melayu yang telah sudi menjadi penyelia dan mengesyorkan tajuk ini.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada mak dan abah yang telah berkorban segalanya dan sentiasa mendoakan kejayaan. Bersama ini juga dirakamkan penghargaan kepada semua adik-beradik dan saudara-mara yang mendorong dan menggalakkan untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Kasih mereka tetap dikenang selamanya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Encik Johari Jani dan keluarga yang telah menjadi jurutunjuk kepada penulis sewaktu kerja lapangan

dijalankan. Semoga segala layanan mesra dan budi baik mereka dibalas oleh Allah s.w.t. Tidak ketinggalan juga kepada tuan rumah yang telah sudi membenarkan rumah mereka dijadikan bahan kajian dan dipotretkan.

Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Perpustakaan Negeri Sembilan kerana membenarkan menjalankan penyelidikan perpustakaan. Begitu juga kepada pihak Arkib Negara dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rakaman terima kasih untuk semua teman serumah yang banyak membantu dan memberi nasihat yang berguna. Buat Mimi dan Masni, terima kasih kerana telah sudi menemani sewaktu kajian lapangan.

Sekian.

Ruziati Mustafa  
No. 9, Jalan 6A/5  
43650 Bandar Baru Bangi  
Selangor Darul Ehsan

J6, Kg. Juasseh Kapitan  
72000 Kuala Pilah  
Negeri Sembilan  
Darul Khusus

## SINOPSIS

Penyelidikan ini bertujuan untuk meninjau tentang senibina rumah Melayu Minangkabau di Rembau. Kajian ini adalah berkaitan tentang struktur rumah, fungsi ruang dan juga tentang seni ukiran yang terdapat pada rumah berkenaan.

Latihan ilmiah ini dibahagikan kepada V bab. bab I membicarakan tentang latarbelakang daerah Rembau yang merangkumi lokasi, sejarah, sistem ekonomi, sosial dan politik penduduknya. Bab II pula akan menjelaskan tentang konsep senibina Melayu, bentuk-bentuk rumah yang terdapat di Negeri Sembilan secara menyeluruh serta pengenalan terhadap rumah kajian.

Seterusnya Bab III akan memperincikan komponen dan struktur rumah berkenaan di samping penerangan tentang konsep dan fungsi ruang. Di dalam Bab IV pula, perkara yang dibincangkan ialah tentang seni ukiran yang meliputi sejarah dan konsep ukiran kayu, pengaruh-pengaruh dalam ukiran kayu di Semenanjung dan penekanan terhadap perubahan-perubahan motif ukiran pada senibina rumah kajian yang berbeza dari ukiran di Minangkabau.

Bab V pula merupakan satu kesimpulan dar keseluruhan bab-bab yang telah dibincangkan.

# SENARAI GAMBAR

Halaman  
-----

|                  |                                                                      |          |
|------------------|----------------------------------------------------------------------|----------|
| Gambar 2         | - Bumbung rumah yang melentik                                        | 43       |
| Gambar 3         | - Rumah bumbung panjang dengan penambahan serambi hujung dan pangkal | 45       |
| Gambar 4         | - Rumah bumbung panjang dengan penambahan serambi pangkal sahaja     | 47       |
| Gambar 5         | - Penambahan serambi hujung sahaja                                   | 48       |
| Gambar 6         | - Penambahan bahagian anjung                                         | 49       |
| Gambar 7         | - Penambahan loteng                                                  | 50       |
| Gambar 8         | - Rumah dengan pembahagian ruang                                     | 51       |
| Gambar 9         | - Penambahan anjung dan serambi pangkal                              | 52       |
| Gambar 10        | - Bahagian anjung, serambi, pangkal dan hujung                       | 53       |
| Gambar 11        | - Rumah dengan pengaruh Melaka                                       | 54       |
| Gambar 12 dan 13 | - Gabungan senibina limas dan rumah Melaka                           | 55<br>56 |
| Gambar 14        | - Rumah limas di Tanjong Ipoh Negeri Sembilan                        | 59       |
| Gambar 15        | - Rumah limas di Jelebu                                              | 60       |
| Gambar 16        | - Rumah limas yang menggambarkan status                              | 61       |
| Gambar 17        | - Sebuah rumah limas di Tampin                                       | 63       |
| Gambar 17(a)     | - Pandangan depan rumah kajian                                       | 66       |
| Gambar 18        | - Bahagian bumbung                                                   | 70       |
| Gambar 19        | - Ombak-ombak motif pucuk rebung                                     | 70       |
| Gambar 20        | - Tebal layar rumah ibu                                              | 72       |
| Gambar 21        | - Dinding papan kembang                                              | 74       |
| Gambar 22        | - Hiasan pada pintu utama                                            | 76       |

|                                                  |     |
|--------------------------------------------------|-----|
| Gambar 23 -Pintu antara serambi dan ruang tengah | 78  |
| Gambar 24 - Tiang dan alas tiang dari konkrit    | 83  |
| Gambar 25 - Tangga hadapan                       | 85  |
| Gambar 26 -Pahagian ruang dalam anjung           | 88  |
| Gambar 27 - Selang                               | 93  |
| Gambar 28 -Motif bungaan                         | 120 |
| Gambar 29 - Motif bunga kekwa                    | 121 |
| Gambar 30 - Motif bunga lima kelopak             | 121 |
| Gambar 31- Motif daun bunga raya                 | 122 |
| Gambar 32 -Motif ikan, rusa dan bendera          | 123 |
| Gambar 33 -. Gambar penggunaan tahun 1925        | 124 |

#### SENARAI RAJAH

|                                               |     |
|-----------------------------------------------|-----|
| Rajah 1 - Harta carian ,bawaan dan dapatan    | 19  |
| Rajah 2 (a) Dualisme dalam politik N.Sembilan | 23  |
| (b)Stratifikasi politik di Pembau             | 23  |
| Rajah 3 (a) Sambungan tindih kasih            | 38  |
| Rajah 4 (a) Sambungan berlidah                | 38  |
| Rajah 3 (b) Struktur dan kompenen rumah       | 67  |
| Rajah 4 (b) Melayu tradisional                |     |
| Rajah 5 - Pelan rumah limas orang berada      | 62  |
| Rajah 6 - Cara penyambungan lantai            | 80  |
| Rajah 7 - Rumah gadang si tinjau laut         | 110 |
| Rajah 8 - Rumah gadang bodi caniago           | 112 |
| Rajah 9 - Motif ukiran aka                    | 115 |
| Rajah 10 - Motif ukiran jala                  | 116 |
| Rajah 11 - Motif ukiran jerat                 | 117 |
| Rajah 12 - Motif ukiran nama binatang         | 118 |

## PENDAHULUAN

Senibina merupakan satu daripada cabang kesenian yang luas. Kesenian sebagaimana juga manusia merupakan fenomena perubahan yang kompleks dan sukar untuk didefinisikan (June King McFee 1964:18). Menurut Sidi Gazelba seni ialah penjelmaan rasa keindahan amnya rasa keterharuan khasnya untuk kesejahteraan hidup.

Read (1959:16) pula berpendapat seni adalah sebagai kemahiran atau keupayaan yang tertumpu kepada tujuan-tujuan yang boleh mendatangkan faedah dan keindahan. Senibina dapat ditafsirkan sebagai satu bentuk kesenioan iaitu penjelmaan keindahan seseorang tukang bina kepada bangunan yang diciptakannya untuk kesejahteraan hidup manusia khasnya.

Setiap budaya mencipta dan mempunyai nilai estetik yang tersendiri. Senibina merupakan penampilan bagi estetika perasaan sesuatu masyarakat. Nilai estetik pada senibina selalu dikaitkan dengan ragamhias termasuk ukiran yang terdapat pada satu-satu binaan tersebut. Ini kerana seni ukir dan senibina adalah saling berkait antara satu sama lain.

Rumah khususnya merupakan salah satu keperluan asas bagi setiap manusia. Ia merupakan sebuah institusi yang menjadi asas permulaan hidup, proses sosialisasi dan

bermasyarakat. Rumah dapat melambangkan kedudukan ekonomi, politik dan status individu. Setiap bangsa mempunyai rekabentuk rumah tersendiri.

Rumah bukan sahaja merupakan sebagai satu tempat kediaman bagi masyarakat Melayu tetapi tempat berlangsungnya berbagai upacara. Ini kerana dalam masyarakat Melayu terdapat berbagai adat yang menyentuh tentang proses kehidupan manusia dari sejak ia dilahirkan sehinggalah ajalnya (Ismail Hamid, 1988:60).

Di alam Melayu, terdapat berbagai bentuk senibina tradisional yang mempunyai kesan sejarahnya yang tersendiri. Ini kerana, senibina rumah khususnya dapat membuktikan pengaruh sesebuah tamaddun ke atas kebudayaan sebuah lingkungan daerah yang tertentu. Contohnya, rumah Melayu tradisional di sebelah utara dan pantai mempunyai pengaruh Siam sementara di Johor pengaruh Bugis ketara pada rekabentuk senibinanya. Begitu juga dengan seni ukirannya. Dalam hal ini pengukir Melayu memilih ragamhias yang berasal atau diilhami dari tumbuh-tumbuhan tempatan dan bunga.

Rumah bagi masyarakat tradisi mempunyai hubungan yang erat dengan peranan dan sistem Adat Pepateh yang menjadi amalan mereka iaitu warisan dari Tanah Minangkabau. Senibina rumah Melayu Negeri Sembilan ini adalah merupakan satu manifestasi kepada asimilasi

budaya tempatan dengan budaya Tanah Seberang itu. Contoh senibina yang sebegini dapat dilihat pada rekabentuk Istana Lama Seri Menanti yang berdasarkan rekabentuk Istana Pagar Ruyung pada konsep ruangnya sementara perenggan bumbungnya pula tidak menunjukkan tendensi pengaruh Minangkabau dengan bentuk melentik seperti tanduk kerbau.

Rembau dipilih sebagai kawasan kajian memandangkan di sini masih banyak lagi kedapatan rumah-rumah tradisional. Kebanyakan rumah-rumah ini mempunyai ciri-ciri yang tersendiri, dibangunkan atas berbagai pengaruh serta unsur dan mempunyai kaitan dengan kehidupan masyarakat tradisi yang bersandarkan Adat Perpateh. Di samping itu daerah Rembau adalah antara daerah awal yang didatangi oleh perantau dari Minangkabau.

### Bidang Kajian

Bidang kajian adalah meliputi tentang rumah-rumah tradisional Melayu dan konsep senibina Melayu itu sendiri berdasarkan struktur dan fungsi ruang serta pengaruh (jika ada). Pengkajian adalah merangkumi juga tentang sistem sosial masyarakat Melayu Minangkabau sebagai pendekatan kepada konsep senibina dan rekabentuk rumah Melayu di Negeri Sembilan. Penulis juga cuba mengkaji tentang konsep-konsep ruang serta fungsinya dalam senibina Melayu berdasarkan kepada rumah yang dijadikan

bahan kajian. Penulis juga cuba melihat konsep-konsep seni ukir dalam senibina masyarakat Melayu tradisional khususnya tentang perubahan-perubahan yang berlaku di kawasan kajian. Konsep-konsep ini adalah berdasarkan motif-motif yang dipilih, simbol dan pengaruh.

### Tujuan Kajian

Pertamanya adalah sebagai sebahagian dari syarat untuk menyempurnakan tahun kepujian di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Walau bagaimanapun tujuan yang lebih penting ialah agar apabila siapnya latihan ilmiah ini ia akan menjadi satu koleksi bahan bertulis tentang warisan senibina Melayu tradisional. Kajian ini bertujuan untuk melihat beberapa perkara yang berkaitan dengan kesenian Melayu khususnya dalam aspek rumah sebagai tempat tinggal. Ia juga melihat sejauhmana wujud pengaruh Minangkabau itu dalam masyarakat tradisi Negeri Sembilan.

### Metode Kajian

Kajian merupakan kajian kes di daerah Rembau, Negeri Sembilan. Kajian adalah berdasarkan:

- i) Tinjauan terhadap rumah yang bakal dikaji bagi memudahkan yang seterusnya di masa akan datang.
- ii) Temubual. Ini dilakukan terhadap tuan rumah, penduduk setempat, tukang kayu dan tukang ukir.

- iii) Fotografi yang berkaitan dengan perkara yang dikaji.
- iv) Kajian pustaka. Ini bertujuan untuk membolehkan penulis memperolehi sumber-sumber sekunder berdasarkan tulisan-tulisan dari jurnal, seminar dan buku-buku yang berkaitan dengan kajian. Sumber ini didapati dari beberapa perpustakaan.

### Masalah Kajian

Pertama untuk mendapatkan rumah yang benar-benar dapat memenuhi kehendak bidang kajian penulis. Ini kerana kebanyakan rumah tidak menampilkan unsur-unsur seni ukir yang banyak. Di samping itu sukar untuk dapatkan maklumat yang tepat dari tukang-tukang mahir kerana rumah ini dibina sejak berpuluh tahun dahulu. Kebanyakan tukang-tukang kayu dan tukang ukir yang mahir telah meninggal dunia dan generasi seterusnya pula tidak mewarisi kemahiran ini.

### Kajian Lepas

Seperti yang diketahui belum ada lagi kajian yang berbentuk latihan ilmiah secara khusus tentang rumah Melayu Minangkabau di Negeri Sembilan. Kajian sebelum ini adalah berbentuk sepintas lalu tanpa pengkhususan terhadap sesuatu daerah. Latihan ilmiah yang pernah

dihasilkan pula adalah secara umum meliputi semua bentuk senibina rumah Melayu tradisional. Umpamanya dalam latihan ilmiah yang telah dihasilkan oleh Saudara Hilal bin Hj. Osman dari Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978/79.

## BAB I

### 1.1 Pengenalan

Rembau merupakan satu daripada enam daerah di dalam Negeri Sembilan. Ianya bersempadan dengan daerah Port Dickson, Tampin, Seremban dan Kuala Pilah. Keluasannya adalah kira-kira 411.8 km persegi dengan 17 mukim yang menampung kira-kira 36,610 orang penduduk (Lembaga Perancang Keluarga Malaysia, 1981:40).

Lebih 70% penduduknya terdiri daripada orang Melayu, 15% Cina, 10% India dan 9% adalah lain-lain kaum. Kegiatan ekonomi penduduknya adalah berasaskan kepada pertanian terutama di kalangan orang Melayu sementara kaum Cina terbabit dengan perniagaan. Secara umumnya sekarang daerah Rembau tengah pesat membangun sama seperti daerah lain di Negeri Sembilan.

Mukim-mukim yang terdapat di daerah Rembau ialah mukim Batu Hampar, Tanjung Keling, Pedas, Cembung, Sepri, Selemak, Bongek, Miku, Cengkau, Legong Hilir, Legong Hulu, Semerbuk, Gadong, Titian Bitangar, Kundur dan mukim Filin (Lembaga Perancang Keluarga Malaysia, 1981:41).

## 1.2 Sejarah Rembau Sepintas Lalu

Luak Rembau dikenali sebagai sebuah negeri merdeka yang berdaulat di bawah kekuasaan kerajaan adat sehinggalah pada tahun 1887 apabila tertandatanganannya perjanjian yang meletakkan Rembau di bawah kekuasaan Inggeris.

Dari segi asal usulnya, menurut metos perkataan Rembau itu adalah dari kata merbau, iaitu seponon pokok besar yang tumbuh di kaki Gunung Rembau (gunung Dato') di satu tempat bernama Padang Lekuk. Perkataan 'merbau' tersebut lama-kelamaan bertukar menjadi rembau.

Orang-orang dari Minangkabau telah mendatangi kawasan ini dan membawa bersama mereka sistem adat yang telah banyak mempengaruhi penduduk asal di sini. Pengaruh ini meresap melalui perkahwinan dan penyemendaan yang berlaku antara kedua belah pihak. Perlu dinyatakan bahawa penduduk asal kawasan ini adalah orang Melayu asli (Proto Malay) iaitu kaum Jakun atau Sakai. Keduanya ini disebut juga sebagai Biduanda atau Mentera. (Abd. Samad Idris, 1968:165).

Hal ini dapat dijelaskan dalam perbilangannya

gagak itam, gagak semui, turun dari  
bukit berkaki empat, bangau putih  
datang dari laut berkepak bersayap

Gagak hitam ini dikiaskan sebagai penduduk suku kaum asli, sementara bangau putih dilambangkan sebagai pendatang-pendatang dari Minangkabau. (Parr, 1919:2). Kedatangan orang-orang Minangkabau ke Rembau seperti yang banyak dicatatkan dalam sejarah dipelopori oleh angkatan Dato Lela Balang. Kemudian disusuli pula oleh saudaranya, Datuk Laut Dalam. Datuk Lela Balang telah berkahwin dengan Tok Bungkal, iaitu anak perempuan bongsu Batin Skudai, ketua masyarakat di situ pada ketika tersebut. Hasil perkahwinan tersebut mereka telah dikurniakan tiga anak perempuan dan seorang anak lelaki. Berdasarkan nisab itu mengikut adat Minangkabau anak lelakinya menjadi ketua tertinggi di dalam sukunya. (Parr, 1910:4).

Adapun Datuk Laut Dalam itu dikatakan beliau telah berkahwin dengan seorang perempuan Jawa dan dikurniakan dengan 4 orang anak perempuan. Salah seorang darinya telah berkahwin dengan Seri Rama, anak Datuk Lela Balang, undang Rembau yang pertama. Keistimewaan keturunan Datuk Lela Balang dari waris Jakun ini telah menimbulkan irihati kepada Datuk Laut Dalam. Beliau kemudiannya telah memohon kepada Sultan Johor agar dianugerahi pangkat dan jawatan kepada keturunannya sama seperti keturunan Datuk Lela Balang (Parr, 1910:4). Permintaannya itu telah diperkenankan dan keturunan anak perempuan Datuk Laut Dalam juga mendapat hak yang sama menjadi undang secara giliran.

Walau bagaimanapun, sejarah Rembau sebelum 1800 M ini agak kabur. Banyak pendapat yang dikemukakan berhubung dengan tarikh kedatangan orang Minangkabau ke kawasan tersebut. Menurut Newbold dalam Kedudukan British di Melaka sebelum 1400, orang-orang Minangkabau mulai masuk ke Rembau melalui Sungai Linggi terus meneroka dan menyemenda dengan penduduk asli Jakun (Lihat Abd. Samad Idris, 1968:167).

Berdasarkan catitan sejarah Seri Rama (anak Datuk Lela Balang) dilantik menjadi undang yang pertama dengan gelaran Dato' Lela Maharaja pada tahun 1540 (Hj. Buyung Adil, 1981:29). Ini bermakna kedatangan Datuk Lela Balang itu boleh dianggarkan pada dekad kedua akhir 1400 kerana jangka waktu sehingga 1540 tersebut adalah agak panjang. Secara logiknyanya dalam tempoh tersebut terjadinya perkahwinan Dato' Lela Balang dengan Tok Bungkal dan anaknya Seri Rama pula mencapai tahap kematangannya pada tahun 1544, iaitu pada ketika ia dilantik menjadi undang.

Pada zaman keagungan kerajaan Melayu Melaka, Rembau terletak di bawah naungan kerajaan tersebut. Hubungan ini dapat dikesan melalui gambaran yang diberikan di dalam teks Sejarah Melayu tentang kebesaran kerajaan Melaka- "Dari Keling datang ke Kuala Penagoh (Penajis) pasar tidak keputusan" (Abd. Samad Idris, 1968:167). Apabila runtuhnya kerajaan di Melaka, Rembau bernaung pula di

bawah kerajaan Johor iaitu dinasti raja dari Melaka. Ini dapat dipastikan dari perlantikan undang Rembau yang berdasarkan berkenan Sultan Johor. Pada tahun 1707, Bendahari Sri Maharaja Johor telah menganugerahkan cap mohor kerajaan kepada undang Rembau (R.J. Wilkinson, 1971:290) Perbilangan juga ada mengatakan

"Beraja ke Johor, berkali ke Siak, bertuan ke Minangkabau".

Kehadiran kuasa-kuasa penjajah seperti Belanda dan Inggeris pula sering mencetuskan pergaduhan dan pergelingkahan dengan kerajaan di Nusantara amnya dan di Semenanjung Tanah Melayu khasnya. Campurtangan mereka dalam pemerintahan menyebabkan berlakunya kucar-kacir dalam kerajaan Johor itu sendiri. Keadaan politik yang amat genting di Johor yang menimbulkan<sup>1</sup> perasaan saling benci-membenci dan iri-hati dalam negeri di samping ancaman dari orang laut dan kerajaan Melayu yang berjiran. (Leonard Y. Andaya, 19874:264).

Di samping itu dinasti Bendahara yang baru di Johor tidak begitu berdaya untuk menguasai orang laut sepenuhnya dan tidak dapat menggantungkan harapan kepada mereka untuk mendapatkan kesetiaan sepenuhnya daripada sumber diraja yang tradisional. Hubungan yang

-----  
1

Orang laut - istilah yang diberikan kepada penduduk pantai dan pulau yang mendiami kepulauan Riau-Lingga, kumpulan pulau 7, kepulauan Bantam dan pulau-pulau yang berdekatan.

mengikat kesetiaan rakyat kepada keluarga diraja telah terputus pada tahun 1699 dengan pembunuhan Sultan Mahmud, raja terakhir dinasti Melaka. (Leonard Y. Andaya, 1974:264).

Lantaran kelemahan kerajaan Johor ini menyebabkan petempatan-petempatan di Negeri Sembilan termasuk Rembau jatuh ke tangan orang Bugis dari Riau. Ini adalah rentetan dari perjanjian yang dibuat oleh Sultan Johor dengan Daeng Kemboja untuk membantunya merampas takhta Johor dari Raja Kecil berketurunan Minangkabau.

Angkatan Daeng Kemboja ini telah membuat huru-hara di Negeri Sembilan dan memaksa penduduk di sini mengakuinya sebagai raja. (Abd. Samad Idris, 1990:90). Kezaliman pemerintahan asing ini telah menekan penduduk. (R.J. Wilkinson, 1971:291). Kekuasaan Daeng Kemboja tentunya tidak disenangi oleh penduduk yang berketurunan Minangkabau. Justeru itu, penghulu-penghulu luak telah mengadakan permuafakatan bagi mengadap Sultan Johor untuk mengadukan keadaan yang diancam Daeng Kemboja tersebut. Lantas mereka meminta Sultan Johor menghantar seorang anak raja ke Negeri Sembilan. (Abd. Samad Idris, 1990:90).

Walau bagaimanapun Sultan Johor pada ketika itu sudah tidak mempunyai keupayaan untuk menghalang kekuasaan orang-orang Bugis. Akhirnya dengan persetujuan

Sultan, ketua-ketua luak telah bersetuju untuk menjemput seorang anak raja dari Pagar Ruyung untuk dijadikan raja di Negeri Sembilan. Baginda ialah Raja Mahmud atau lebih dikenali kemudiannya sebagai Raja Melewar iaitu Yamtuan Negeri Sembilan yang pertama. Baginda masuk ke Rembau lalu ditabalkan menjadi raja di Kg. Penajis seperti kata:

2

Tanah kerjan di Penajis  
Tanah Mengandung di Sri Menanti.

Tempat bersemayam Raja Melewar sekarang ini dikenali sebagai Kg. Astana Raja. Walau bagaimanapun, baginda kemudian telah berpindah ke Sri Menanti dan sehingga kini kawasan itu terus kekal sebagai bandar diraja.

Kedatangan Raja Melewar ini telah membebaskan Rembau dan luak-luak lain dari bernaung di bawah kerajaan Johor. Walaupun pada ketika itu telah dilantik seorang Yamtuan namun Rembau tidak tertakluk di bawah kekuasaan baginda. Tiada sumber yang menunjukkan bahawa raja-raja yang datang dari Minangkabau ini telah campurtangan dalam soal politik di Rembau. (Parr, 1910:18).

Dalam tahun 1795, British telah mengambilalih kuasa di Melaka dan telah berjaya membuat perjanjian dengan Rembau sebagai sebuah negeri yang berasingan dari luak-luak yang lain di Negeri Sembilan. (Khoo Kay Kim, 1984:3).

2

Tanah kerjan ~ tanah kerajaan.

Ini adalah merupakan persetiaan dan perjanjian persahabatan dengan undang Rembau yang diwakili oleh Dato' Kusil bagi pihak undang Dato' Pekak. Kedua pihak seterusnya telah menandatangani beberapa perjanjian persahabatan iaitu pada tahun 1831 dan 1877. Walaupun pihak Inggeris tidak mencampuri urusan politik secara langsung di Rembau seperti yang terkandung dalam surat perjanjian yang bertarikh Januari 1832:

"Bahawa kerajaan Rembau dengan kuasa-kuasa yang ada kepadanya adalah bebas menjalankan pemerintahan dalam daerah luaknya mengikut undang-undang (Adat Pepateh) pentadbirannya sendiri. Dan British dengan Rembau tidakla bermusuh lagi dan rampas-merampas jajahan".

(Abd. Samad Idris, 1968:187)

namun implikasi dari persahabatan ini adalah sebaliknya. Dapat dibuat tanggapan bahawa British secara tidak langsung telah mencampuri urusan politik di Rembau, apabila Dato' pekak telah dipecat dari jawatan undang tanpa sebarang kesalahan dan digantikan dengan Dato' Kusil pada 1795. Begitu juga dengan perjanjian penyerahan Simpang kepada British yang diurus oleh Undang Dato' Sahil pada tahun 1877 yang tidak dipersetujui oleh Dato Lembaga yang lapan.

Pengaruh Inggeris semakin bertambah kuat di Semenanjung Tanah Melayu dan akibatnya dalam tahun 1887 satu perjanjian ditandatangani dengan Rembau. Perjanjian ini menyebabkan Rembau hilang kuasa sebagai sebuah negeri

kecil yang merdeka sebaliknya bertukar menjadi jajahan naungan British.

Segala perkara yang berhubungan dengan pemungutan cukai hasil negeri, pengadilan dan mahkamah diserahkan kepada seorang pegawai Inggeris yang dilantik oleh Gabenor Negeri-negeri Selat. (Abd. Samad Idris, 1968:190) Dato' Undang, Lembaga-lembaga dan pegawai adat sebagai saranya akan menerima bersih 1/3 daripada hasil dalam negeri.

Pada 1889 Rembau masuk menjadi ahli Persekutuan Sembilan Negeri yang ditubuhkan dalam 1887 dan bernaung di bawah seorang penasihat Inggeris. Dalam 1895, Rembau telah diletakkan di bawah kuasa seorang residen atas nama Negeri Sembilan dan bernaung di bawah pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Bermula dari tarikh tersebut, kuasa undang-undang adat di Rembau menjadi semakin lemah dan digantikan dengan undang-undang British.

### 1.3 Sistem Sosial Masyarakat

Sistem sosial yang pada dasarnya mengandungi dua atau lebih individu yang berinteraksi secara langsung atau tidak dalam keadaan yang terkawal (G.D. Mitchell, 1979:203). Seseorang individu itu haruslah mempunyai

kesedaran yang luas ke arah matlamat yang sama. Konsep moden bagi perkara-perkara ini banyak dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji sosiologi seperti Aguste Comte, Karl Marx, Hubert Spencer dan Emile Durkheim pada abad yang ke-19. Konsep-konsep ini dikembangkan dari satu kepada yang lain berdasarkan pendekatan yang berbeza. Contohnya dalam teori Marx, unit atau komponen utama adalah berkaitan dengan kelas sosio-ekonomi dalam masyarakat kapitalis dan hubungan kelas yang melibatkan kuasa ekonomi dan politik.

Antara konsep-konsep yang terkenal ialah yang dikemukakan oleh Talcott Parson. Menurut Parson, sistem sosial merupakan proses-proses bentuk perlakuan individu (actor) yang berinteraksi antara satu sama lain dalam keadaan yang mempunyai aspek-aspek fizikal dan persekitaran. Individu-individu ini mempunyai motivasi dalam tahap kecenderungan ke arah "optimization of gratification". Hubungan terhadap situasi tadi secara keseluruhan didefinisikan sebagai satu tahap sistem yang dibina oleh cara hidup dan simbol yang dikongsi bersama. Unit terpenting dalam satu sistem sosial ialah kolektiviti, peranan dan keduanya dihubungkan oleh nilai dan norma. (G.D. Mitchell, 1971:203-204).

Sistem sosial masyarakat Melayu pada umumnya boleh dilihat pada pola-pola ekonomi, politik, kekerabatan, warisan dan juga perkahwinan. Sistem sosial dalam

sesebuah masyarakat itu harus dilihat sebagai elemen yang integral atau saling melengkapi. Di Rembau khasnya, sistem sosial masyarakat dapat dikaji berdasarkan sistem Adat Papatih yang menjadi warisan turun-temurun.

Sebelum Inggeris mentadbir Negeri Sembilan, Adat Papatih adalah sumber rujukan segala peraturan dalam sistem sosialnya. Setelah Inggeris mencampuri soal pentadbiran negeri, undang-undang British telah dipakai sehingga pentadbiran mengikut sistem Adat Papatih yang bercorak matrilineal itu hilang dan dilenyapkan. (Abd. Samad Idris, 1984:4). Keefektifan adat di Rembau telah berkurangan sama seperti di daerah lain di Negeri Sembilan.

Adat Papatih hari ini sudah mencapai suatu tahap kebudayaan yang amat jauh berbeda daripada tahap tribalnya dahulu. Sejajar dengan ini beberapa objek dan amalan budaya sosial masyarakat adat itu telah merosot. Tidak dinafikan juga masih terdapat lagi objek dan amalan budaya yang kekal berfungsi. (H.M. Dahlan, 1984:19). Objek ini hanya pada segi adat istiadat seperti yang dipakai sewaktu nikah kahwin, pembahagian pesaka, adat di istana dan seumpamanya sahaja. (Abd. Samad Idris, 1984:4).

Sistem Adat Papatih ini bukanlah merupakan satu aturan secara bertulis melainkan merupakan adat secara

lisan sahaja dan dipegang oleh ketua-ketua adat sejak bergenerasi lamanya. Peraturan ini dapat dikaji melalui perbilangan-perbilangan adat yang merupakan satu keunikan dalam sistem adat ini. Perbilangan ini merupakan pancaran peribadi masyarakat yang mengamalkan ada tersebut.

Ia menekankan peri pentingnya hidup sebagai satu masyarakat yang saling bekerjasama, kesetiaan, tanggungjawab dan memelihara adat tersebut sebagai satu pegangan yang tidak bertentangan dengan hukum syarak. Hubungan adat dan syarak adalah saling melengkapi seperti kata:

Adat bersendi hukum  
 Hukum bersendi kitabullah  
 Kuat adat tak gaduh hukum  
 Kuat hukum tak gaduh adat  
 Ibu hukum muafakat  
 Ibu adat muafakat

### 1.3.1 Kekeluargaan

Hubungan kekeluargaan adalah sangat erat dalam masyarakat adat. Unit keluarga asas adalah tidak begitu penting. Kalau dikaji secara mendalam, yang begitu signifikan adalah material dyad iaitu perhubungan antara ibu dan anak dan keluarga sebelah ibu. (Norhalim Ibrahim, 19984:4).

Secara praktiknya sistem ekonomi, politik dan

sosial adalah berdasarkan kelompok kekeluargaan. Dalam masyarakat adat susunan terjadi dari 12 suku yang hubungan antara suku-suku itu adalah hubungan semenda menyemenda dan pada idealnya menganggap ahli-ahli dalam suku itu adalah sebagai satu kelompok yang luas. Dalam satu suku itu terdapat pula anggapan mereka itu

Beranak bersudar  
 Adik beradik  
 Dekat rumah dekat kampung  
 Sehelaman sepermainan  
 Segayung sepergian  
 Sejamban seperulangan  
 Ibarat labu menjalar ke hilir  
 Pucuknya sama diguntas  
 Buahnya sama dipetik  
 Pangkalnya sama dipupuk

(Idris Hj. Tain, 1974:3).

Pada teorinya terdapat 12 suku iaitu Biduanda atau Waris, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, 3 Nenek, Seri Melenggang (Semelenggang), Seri Lemak (Selemak), Batu Belang, Tanah Datar (Tedatar, Anak Acheh, Anak Melaka dan 3 Batu. (Norhalim Ibrahim, 1988:51). Tiap-tiap suku boleh dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dikenali sebagai perut. Perut ialah pada idealnya, kelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dari salasilah yang dapat diunsur-galurkan dengan jelas.

Perasaan persaudaraan dan kekitaan amat kuat di kalangan anggota-anggota perut. Suatu perut adalah suatu 'extended family'. (Nordin Selat, 1976:37). Hubungan

antara anggota perut ini mempunyai tanggungjawab dan hak yang sama. Mereka diharap untuk mengurangkan beban bagi seseorang anggota misalnya dalam kenduri-kendara, kematian dan sebagainya. Tegasnya kelompok perut ini mempunyai kerjasama dan gotong-royong yang kuat.

Pecahan perut akan mewujudkan kelompok yang lebih kecil yang disebut ruang. Anggota-anggota dalam ruang berasal dari hubungan keturunan seorang nenek moyang (4 ke 5 generasi) yang sama. Rumpun pula ialah unit kekeluargaan yang terkecil sekali iaitu seorang ibu dan anak-anak. Unit-unit <sup>ini</sup> <sub>^</sub> tiada autonomi kecuali jika unit perut yang besar. (Nordin Selat, 1976:37).

### 1.3.2 Perkahwinan

Adat Papatih menegah perkahwinan antara anggota sesebuah suku dan mengamalkan eksogami. Di sisi adat perkahwinan yang unggul sekali adalah antara lain suku lain waris (H.M. Dahlan, 1984:9). Rasional kepada sistem eksogami ini ialah untuk mengekalkan dan melanjutkan hubungan dalam suku sebagai hubungan persaudaraan. Keduanya ia dapat mengeratkan perhubungan antara-suku. (Nordin Selat, 1976:32). Bentuk yang digalakkan tetapi tidak semestinya berlaku adalah perkahwinan sepupu setentang dan apabila berlaku kematian isteri, sejenis bentuk perkahwinan "sororate" atau ganti tikar digalakkan (Norhalim Ibrahim, 1988:53).

Walau bagaimanapun di Rembau, ada perkahwinan sesuku yang dibenarkan. Suku Biduanda Jakun contohnya boleh berkahwin dengan Biduanda Jawa dan Biduanda Dagang pula dibenarkan berkahwin dengan kedua suku tersebut. Dalam suku Mungkal, ahli keluarga dari kampung Bukit dibenarkan berkahwin dengan perut Kg. Tebat tetapi antara perut Bukit dan Kg. Tanjung perkahwinan sesuku adalah dilarang.

Sementara suku Batu Hampar pula mempunyai 5 perut iaitu perut Raja Mahkota, Raja Mentika, Titian Nyiur, Batu Hampar Agam, Batu Hampar Penagis, Perut Raja Mahkota tidak boleh berkahwin dengan perut Mentika tetapi mereka boleh berkahwin dengan perut yang tiga lagi. Begitu juga perut yang tiga lagi iaitu Titian Nyiur, Batu Hampar Agam dan Batu Hampar Penajis tidak boleh berkahwin antara satudengan lain. (Abas Hj. Ali, 1953:124). Mereka ini dibolehkan berkahwin atas alasan perut-perut ini tiada atau pertalian darah terlalu tipis untuk dikesan.

Pada umumnya pantang larang dapat dilihat seperti berikut:

- a) Perkahwinan sepupu selari pihak ibu, iaitu ibu adik-beradik-sesukui.
- b) Berkahwin di kalangan kelompok perut sendiri yang disebut sebagai sumbang sekedim.

- c) Perkahwinan di dalam suku sendiri walaupun berlainan perut yang diistilahkan sebagai sumbang sewaris. (Norhalim Ibrahim, 1988:53)+

### 1.3.3 Sistem Ekonomi

Masyarakat adat iatu ialah masyarakat tani seperti yang dimanifestasikan

Kampung nan bersudut  
Sawah nan berjenjang  
Pucuk nan meliuk'  
Pinang nan berjejer.

Komuniti ekonomi dalam masyarakat adat hari ini sudah tertakluk kepada logik dan pertimbangan yang menyokong dan menggalakkan pengeluaran komoditi yang berorientasikan pasaran. (H. M. Dahlan, 1984:8) Pengeluaran ekonomi ini meliputi padi, getah, sekarang ini kelapa sawit dan buah-buahan di samping pemeliharaan binatang ternakan seperti kerbau, kambing dan ayam.

Di Rembau dari segi pekerjaan, majoriti yang terlibat dengan aktiviti ekonomi dan taraf pekerjaan mereka adalah pada tahap yang terendah dari segi perusahaan. Hampir tiada satu golongan usahawan yang moden di sini. Peniaga Melayu yang sebenarnya dianggarkan sebagai 'chandler' iaitu satu golongan peniaga Melayu yang ditakrifkan oleh Potter sebagai

pekedai runcit yang menjalankan perniagaan barang-barang tradisional secara pasif. (Potter, 1955:99) Salah satu punca kesamaran tradisi perusahaan di dalam sistem adat itu sendiri ialah kekurangan perbilangan adat yang khusus merujuk kepada perkara ini. (Haflah Mohd. Piei, 1984:17).

#### 1.3.3.1 Merantau

Merantau dalam konteks Minangkabau selalunya dikaitkan dengan meninggalkan kampung halaman untuk mencari kekayaan, ilmu dan kemasyuran (Tsuyoshi Kato, 1989:6) Walau bagaimanapun penghijrahan atau konsep merantau di Rembau ini berbeza dengan penghijrahan di Minangkabau iaitu dari alam budaya yang sama walaupun dari lokasi jauh jaraknya. Penghijrahan zaman moden melibatkan perpindahan individu dari alam budaya Adat Papatih ke dalam satu alam budaya yang berbeza. Ianya lebih bercorak migrasi desa ke bandar mencari pekerjaan. Ini banyak dilakukan oleh anak-anak muda atau orang bujang iaitu sama seperti yang berlaku di Minangkabau.

Perpindahan juga berlaku akibat perkahwinan atau lebih tepat berlaku 'penyemendaan'. Dalam pola kediaman yang bercorak matrilokal, seorang suami akan tinggal bersama-sama dengan keluarga sebelah ibu mertuanya atau ia boleh memilih untuk mendirikan rumah berhampiran dengan keluarga sebelah isterinya. (Abdullah Taib,

1985:39) Kaum perempuan pula lebih cenderung untuk menetap di daerah ini dibandingkan dengan kaum lelaki. 'Survival' sistem adat bergantung kuat kepada perlanjutan dan pengekal status -quo ini.

Satu perkara yang menjadi persoalan ialah mengapakah orang-orang keturunan Minangkabau di Negeri Sembilan tidak aktif dalam lapangan perniagaan berbanding dengan orang Minangkabau itu sendiri yang terkenal sebagai peniaga sama ada yang di alam Minangkabau atau yang baru berhijrah ke Malaysia untuk beberapa dekad yang lalu.

#### 1.3.3.2 Perwarisan

Secara ideal terapat 2 jenis pusaka yang diwarisi dan dipindahmilikkan kepada waris-waris berdasarkan garis matrilineal. Kata perbilang "jejak atas saka" iaitu perwarisan hanyalah melalui susur galur sebelah ibu. Pesaka ini ialah harta pusaka dan pusaka adat. Harta pesaka berasa diwarisi oleh waris-waris perempuan tetapi pesaka adat seperti kuasa politik dan kekuasaan dalam hubungan kekeluargaan diwarisi oleh lelaki (Abd. Kahar Bador, 1963:170). Pesaka adat termasuklah jawatan undang, lembaga, buapak.


Secara keseluruhannya, harta pusaka dapat dibahagikan kepada dua iaitu pusaka benar atau di

Minangkabau dikenali sebagai pusaka tinggi. Ianya merupakan harta kepunyaan suku dan terdiri dari tanah kampung, sawah juga rumah yang diwarisi dari ibu kepada anak perempuan (terlak di atas tanah pusak). Biasanya mereka yang memiliki benda yang sedemikian itulah yang dipandang sebagai orang berharta (A.A. Navis, 84:157).

Dalam hal ini Taylor menjelaskan pusaka benar itu sebagai

"All ancsestral property belongs to the tribe, it tribe, it nest in the female members but they hold it as trustees for their tribe rather than as owner (E.N. Taylor, 1970:31).

Keduanya pusaka sendiri atau pusaka rendah, iaitu segala jenis harga benda yang diwarisi oleh anak seperti barng-barang kemas. Harta carian pula ialah harta yang diperolehi oleh seseorang individu itu sama ada selepas atau sebelum berkahwin. Ia terbahagi kepada carian bujang dan carian suami isteri.



Harta dapatan merupakan perolehan pihak perempuan yang berkahwin meliputi harta perolehan semasa gadis, janda atau balu (carian bujang atau janda). Ringkasnya, ia adalah harta dapatan dan pusaka yang diwarisi atau dari perkahwinan terdahulu. Selalunya harta dapatan pusaka adalah berupa barang-barang kemas pemberian ibu dan bapa. (E.N. Taylor, 1970:109).

Harta pembawa sebaliknya adalah harta yang dipunyai secara peribadi oleh seorang lelaki yang berkahwin lalu dibawa ke dalam suku isterinya sebagai orang semenda. Harta ini meliputi harta pendapatan sebagai barang bujang (carian bujang), perkongsian dari perkahwinan yang terdahulu dan juga sebarang harga warisan dari keluarga yang diperolehinya. (E.N. Taylor, 1970:109).

Secara ringkasnya, carian bujang akan menjadi harta dapatkan dan juga harta pembawa. Keduanya boleh menjadi harta pesaka apabila ianya diwariskan. Apabila berlaku kematian atau penceraian biasanya pesaka diturunkan kepada pihak-pihak tertentu seperti yang dinyatakan,

"Carian bahagi  
Dapatan tinggal  
Pembawaan kembali"

Pada idealnya perlu ditekankan harta pusaka tidak boleh dijual beli tanpa kebenaran undang. Harta Pesaka

boleh dipindahmilikkan dari satu keluarga kepada rumpun yang lain jika tiada yang berhak mewarisinya.

Walau bagaimanapun, semasa pemerintahan Inggeris sistem pemilikan Tanah Adat dikukuhkan pertama kali dalam tahun 1909. Dalam tahun 1926 Undang-undang "The Customery Enactment' telah dipinda dan akhirnya dipindahkan pada tahun 1930. Dari itu lembaga tidak lagi mempunyai kata putus tetapi terhad kepada peranan sebagai saksi yang memberi keterangan duduk perkara itu (Abdullah Sidik, 1975:150).

Peraturan bagi pembahagian harta yang diperolehi dari seseorang yang mati menurut Hukum Adat Papatih adalah seperti berikut:

1. Harta carian bujang seorang lelaki yang meninggal dunia turun kepada warisnya, iaitu keluarga perempuan yang terdekat
2. Harta pembawa atau dapatan dikembalikan kepada waris si mati, iaitu keluarga perempuan yang terdekat dari suku si mati (jika mengenai seorang lelaki) saudara perempuannya, jika mengenai seorang perempuan, anak perempuannya.
3. Carian bini ditentukan
  - a) Pada matinya suami atau isteri tanpa anak, seluruhnya tetap pada yang masih hidup.

- b) Pada matinya isteri yang meninggalkan anak, harta balu dan anak tetapi tidak perlu sama bahagiannya, atas persetujuan atau tidak, ialah peruntukan yang cukup untuk anak.

Mengenai carian laki-bini yang tidak termasuk ke dalam golongan "Customary Land" dapat diwariskan kepada anak-anak lelaki mahupun kerana harta sedemikian ini tidak tertakluk kepada batasan undang-undang adat sebagai yang termaktub dalam enakmen. (Abdullah Sidik, 1975:150).


#### 1.3.4 Sistem Politik

Pada paras struktur politik dan ideologi negeri pula, masyarakat Adat Pepateh seperti kebanyakan masyarakat lain di negara ini telah diserapkan ke dalam struktur kepimpinan politik ekonomi melalui penubuhan dan pengukuhan institusi dan organisasi anjuran negara. (H.M. Dahlan, 1984:9) Sistem politik di Rembau seperti kebanyakan luak di Negeri Sembilan adalah berdasarkan kepada 2 sistem iaitu sistem Adat Pepateh dan juga berdasarkan sistem legal-birokrasi.



Rajah 2 (a)

Rajah menunjukkan dualisme dalam sistem politik Negeri Sembilan. (Majlis Belia Negeri Sembilan, 1990:10).



Rajah 2 (b)

Stratifikasi politik di Rembau (berdasarkan Adat Pepateh).

Walau bagaimanapun sistem politik berasaskan adat itu sendiri dapat ditafsirkan dari perbilangan-perbilangan adat. Sistem Politik yang ditubuhkan di Negeri Sembilan amnya dan di Rembau khasnya, adalah merupakan super struktur yang dibina di atas sistem sosial yang terperinci dan berasaskan perhubungan kekeluargaan yang sedia ada. (Kho Kay Kim, 1984:14).

Pembentukan sistem politik adat bermula dari peringkat bawah dan merupakan organisasi yang begitu kompleks. Kepimpinan digambarkan sebagai

Tiga tungku sejarangan  
Tiga tali sepilinan

iaitu menjelaskan tentang peranan 3 golongan yang berpengaruh dalam masyarakat. Golongan tersebut ialah

- a) Golongan Datuk-datuk lembaga dan penghulu/undang
- b) Golongan alim ulama
- c) Golongan cerdik pandai

(A. Samad Idris, 1984:3).

Secara jelasnya sistem politik ini dapat dilihat dari perbilangan yang menyebut

Alam beraja  
Luak berpenghulu  
Suku berlembaga  
Anak buah berbuapak

Jurai atau susur galur keturunan adalah bersifat matrilineal yang bermula dari keluarga kemudian membentuk charak dan seterusnya perut. Dari perut ini

terbentuk suku. Ketua bagi perut ialah buapak. Ia dipilih oleh ahli-ahli dalam perut tersebut. Dalam pemilihan ini konsep 'saka' dan 'baka' diambil kira. Saka ialah kata dari pesaka iaitu calon yang disusurgalurkan dari nisab ibu sementara baka ialah sifat-sifat warisan seperti datang dari keluarga terhormat dari segi nama dan warisan kekayaan. (Josseling de Jung, 1960:139).

Tugas buapak ini ialah menyelesaikan pertelingkahan yang berlaku dalam perut. Segala maskahwin dalam perut diterima oleh buapak bagi pihak keluarga yang terlibat. Harta dapatan dan pembawaan dijelaskan di hadapannya. Buapak juga bertanggungjawab membuat pembahagian harta pencarian bila berlakunya pencarian atau kematian. Kuasa buapak terhadap adat hanyalah setakat di dalam perutnya sahaja.

Anggota perut berhak untuk memecat buapak jika ianya cuai menjalankan tugas, menyalahgunakan kuasa dan kelakuan yang memalukan perutnya. Setiap buapak punya gelaran yang tertentu merujuk kepada sukunya. Dalam suku Biduanda ada dua corak yang utama iaitu carak Lela Maharaja dan Sedia raja.

Adapun asalnya carak ini adalah hasil penerokaan dan penghijrahan waris-waris keturunan Dato Lela Balang dan Dato Laut Dalam ke satu-satu kampung tertentu.

Ahli-ahli kepada suku biduanda dari petempatan yang berlainan dari carak-carak yang dua tersebut dipanggil Biduanda Dagang. (Parr, 1910:124) Terdapat 15 buah petempatan bagi suku Biduanda Dagang ini iaitu Tanjung Pisang, Gadong, Paya, Ulu Gadong dan Jeram, Bangkong, Pulau, Legong Hilir, Bukit, Miku, Chenong, Relong, Bandar, Batu Puteh, Tengah. (Joseling de Jung, 1960:124-125).

### Lembaga

Merupakan jawatan yang dipilih oleh buapak bagi perut dalam sesebuah suku. Seperti pemilihan buapak, pemilihan lembaga adalah berdasarkan saka dan baka. Ianya ketua sesebuah suku tersebut. Dari segi adatnya lembaga sebagai ketua suku bertanggungjawab menjaga keselamatan dan mengekalkan keamanan serta keharmonian sukunya. Lembaga berhak mengesahkan perlantikan buapak dan lembaga juga boleh melantik undang seperti kata perbilangan "bulat lembaga menjadi undang." Jelas dalam sistem perlantikan ketua penekanan diberikan kepada permuafakatan dan bersifat demokrasi kerana kuasa pemilihan berada di tangan pihak yang rendah jawatannya dalam stratifikasi politik tersebut.

Dalam beberapa hal adat lembaga mesti merujuk kepada undang kerana kuasa lembaga itu tidak seluas kuasa undang. Ini dapat dijelaskan oleh perbilangan

"Pesaka undang berkelantasan  
Pesaka lembaga bersekat.

Lembaga boleh dipecat oleh undang jika didapati menyeleweng kuasa seperti memberi perlindungan kepada orang salah, membuat tuduhan palsu, menyebabkan kerugian yang tidak sepatutnya, mendapat secara haram, membusukkan nama suku dan kelakuan sumbang:

melindung, mengendap  
pecah, menghilangkan  
mencatatkan  
terkurung mati

(Nordin Selat, 1976:67).

Lembaga Tiang Balai Yang 8 merupakan jemaah adat di Rembau yang terdiri daripada 8 orang datuk lembaga. Jemaah inilah yang bertanggungjawab melantik undang. Ahli-ahli jemaah ini terdiri daripada datuk lembaga yang suklu Biduanda. Lembaga tiang balai ini dipecahkan kepada 4 tiang balai sebelah baroh dan 4 lagi sebelah darat. Organisasi ini pada asalnya hanya terdiri daripada 4 lembaga di baroh walau bagaimanapun dalam 1831 dilakukan perubahan dengan penambahan 4 lembaga di darat. (M.B. Hooker, 1972:169) Terdahulu daripada itu hanya lembaga di baroh sahaja yang terlibat dalam pemilihan undang. Senarai mengikut pangkat ialah seperti berikut:

Baroh

| <u>Gelaran</u>            | <u>Suku</u> |
|---------------------------|-------------|
| 1. Dato' Merbangsa        | Payakumbuh  |
| 2. Dto' Gempa Maharaja    | Batu Hampar |
| 3. Dato' Bangsa Balang    | Tiga Nenek  |
| 4. Dato' Samsura Pahlawan | Mungkal     |

Darat

| <u>Gelaran</u>         | <u>Suku</u>       |
|------------------------|-------------------|
| 1. Seri Maharaja       | Paya Kumbuh       |
| 2. Dato' Sida Maharaja | Seri Lemak        |
| 3. Dato' Andika        | Batu Belang       |
| 4. Dato' Mendelika     | Seri Semelenggang |

(Ibid., : 170)

Di samping itu terdapat dato lembaga yang 12 yang merupakan pelengkap kepada sistem jemaah adat yang kompleks tersebut. Secara teknikalnya ia dikenali sebagai 'kepak sayap.' (Parr, 1910:44).

Baroh

| <u>Gelaran</u>          | <u>Suku</u>           |
|-------------------------|-----------------------|
| 1. Dato' Perba          | Biduanda (Jakun/Jawa) |
| 2. Dato' Puteh          | Batu Hampar (Petani)  |
| 3. Dato' Ganti Maharaja | Anak Melaka           |
| 4. Dato' Raja Senara    | Anak Datar            |
| 5. Dato' Lela Wangsa    | Anak Acheh            |

Darat

| <u>Gelaran</u>           | <u>Suku</u>       |
|--------------------------|-------------------|
| 1. Dato' Setia Maharaja  | Biduanda          |
| 2. Dato' Sutan Bendahara | Batu Hampar       |
| 3. Dato' Ngiang          | Mungkal           |
| 4. Dato' Maharaja Inda   | Tanah Datar       |
| 5. Dato' Dagang          | Seri Semelenggang |

Tidak termasuk dalam tiang yang 12

| <u>Gelaran</u>     | <u>Suku</u>       |
|--------------------|-------------------|
| 1. Dato' Lela Raja | Tiga suku         |
| 2. Dato' Mengkota  | Seri Semelenggang |

Undang

Istilah undang digunakan bagi ketua-ketua luak Sg. Ujong, Jelebu dan Rembau. (Nordin Selat, 1976: 64) Parr mengistilahkan undang sebagai 'Lawgiwer' sementara Josseling de Jung pula mentafsirkannya sebagai 'the chief who deals with Law' yang mentadbirkan keseluruhan sesebuah luak. (Josseling de Jung, 1960:148).

Dari segi adat, undang merupakan 'the supreme authority' dalam luak tertentu. Undang tidak tertakluk kepada ketetapan Yamtuan pada perkara-perkara yang berhubungan dengan luaknya. Kuasa undang sangat luas, disebutkan

sah batal pada lembaga  
hidup mati pada undang

Ia dikira sebagai kedudukan yang 'presstige' dalam masyarakat adat sehingga kini, ditambah pula dengan elaun-elaun lumayan yang disediakan bagi jawatan tersebut. Justeru itu maka ramailah yang mengidamkan dan menuntut pesaka yang satu ini.

Undang berfungsi mengendalikan hal-ehwal luaknya dengan bantuan jemaah-jemaah ketua adat. Tugas undang ini sebenarnya adalah berat. Menurut perbilangannya adalah undang atau penghulu itu:

Ibarat kayu di tengah padang  
Tempat berteduh di hari hujan  
Tempat bernaung di kala panas  
Uratnya tempat bersila  
Batangnya boleh tempat bersandar

Undang dan jemaah pembantunya juga berfungsi sebagai mahkamah rayuan bagi mengubah atau menyokong keputusan-keputusan lembaga. Undang mempunyai hak bagi menjatuhkan hukuman mati, buang negeri, pemecatan dari jawatan adat dan denda yang berjumlah \$14 ke atas. Undang mempunyai hak istimewa kuasa pengampunan. Lantaran itu perkara seperti

derhaka, celaka  
dahaga, dahagi  
rumpun, bakar  
tikam, bunuh  
upas, racun

yang juga disebut sebagai 'pantang undang' hanya boleh dihakimi oleh beliau sahaja.

Dalam menjalankan tugasnya undang haruslah seorang yang berpandangan luas dan mempunyai pertimbangan yang wajar bagi menjatuhkan hukuman seperti kata 'berlaut lepas berpandangan luas' dan bijaksana - lubuk akal, lautan budi. (Nordin Selat, 1978:138) Beliau bertindak sebagai qadhi dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang Islam sebagai tafsiran dari perbilangan 'pesaka undang berkhalfah'.<sup>3</sup> Walau bagaimanapun peranan ini telah diberhentikan semenjak akhir abad yang lalu. (Josseling de Jung, 1960:147) Undang merupakan ahli jemaah yang pada teorinya berhak melantik Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan. Dalam menjalankan peranannya ini undang dibantu oleh Lembaga Tiang Balai yang 8, Yang duabelas dan orang besar undang.

Orang besar undang ialah pegawai undang yang pangkatnya dalam suku adalah rendah daripada lembaga. Orang besar undang berfungsi sebagai tongkat sokong kepada lembaga. (Nordin Selat, 1976:75). Orang besar ini tidak dipilih akan tetapi dilantik oleh undang dan undang berhak memecatnya jika didapati bersalah. Ia menjadi wakil undang dalam sesuatu suku. Orang besar tersebut ialah

#### Gelaran

#### Suku

- |                     |                             |
|---------------------|-----------------------------|
| 1. Dato' Syahbandar | Biduanda waris Jakun dan    |
| 2. Dato' Mangkabumi | Biduanda Jakun Kg. Tangjung |
| -----               |                             |

3

Berkhalfah - sebagai wakil Allah harus merupakan seorang yang berpengetahuan agama.

3. Dato' Menteri Lela  
Perkasa                                      Bidunda Jakun Kg. Cengkau
4. Dato' Raja diRaja                      Kg. Cembong

Pemilihan undang dikendalikan mengikut hukum adat yang teliti. Seperti yang diketahui undang dipilih dari dua suku perut di baroh secara bergilir iaitu Waris Biduanda Jakun dan Waris Biduanda Jawa. Undang dari perut waris Jakun bergelar Datuk Lela Maharaja dan undang dari perut waris Jawa bergelar Datuk Sedia Raja. Calon-calon yang layak menerima pesaka ini pada teorinya adalah mengikut giliran kampung. Kampung atau carak bagi waris Jakun ialah Kota, Cengkau/Cembong, Gadong dan Tebat. Kampung bagi waris Jawa pula ialah Bukit, Pulau, Tanjung dan Tengah.

## KESIMPULAN

Rembau merupakan satu daerah awal yang didatangi oleh perantau-perantu yang berhijrah dari Minangkabau. Kedatangan orang-orang Minangkabau juga telah membawa bersama konsep Adat Perpateh yang diamalkan di tanah asal mereka. Sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau kawasan Rembau didiami oleh kaum Jakun atau Sakai (Proto Malay) yang disebut juga sebagai suku Biduanda. Kedatangan orang-orang Minangkabau telah mengubah keadaan sosio-politik kaum peribumi.

Kedatangan orang-orang Minangkabau ini dikatakan telah dipelopori oleh Datuk Lela Balang kira-kira pada dekad kedua akhir abad ke-15. Kedua pihak iaitu penduduk asal dan golongan pendatang ini telah diassimilasikan dengan berlakunya perkahwinan antara kedua pihak. Datuk Lela Balang contohnya telah mengahwini anak perempuan bongsu Batin Skudai iaitu ketua bagi masyarakat ketika itu.

Kedatangan Datuk Lela Balang kemudiannya disusuli pula oleh adiknya iaitu Datuk Laut Dalam yang telah berkahwin dengan perempuan Jawa. Hasil dari perkahwinan kedua beradik ini maka wujudlah dua waris iaitu Waris Jakun dan Jawa. Generasi dari kedua waris inilah yang berhak kepada jawatan undang secara bergilir apabila institusi tersebut ditubuhkan.

Rembau merupakan daerah yang terletak di bawah naungan kerajaan Melaka apabila kerajaan tersebut berada di zaman kegemilangannya. Setelah runtuhnya kerajaan Melaka, Rembau bernaung pula di bawah kerajaan Johor, iaitu kerajaan dari dinasti raja-raja Melaka. Walau bagaimanapun apabila kerajaan Johor lemah, daerah-daerah naungannya termasuk Rembau mula membebaskan diri. Rembau dan luak-luak lain di Negeri Sembilan meminta kebenaran kepada kerajaan Johor agar dihantar seorang anak raja dari Minangkabau untuk dirajakan di Negeri Sembilan. Raja Melewar merupakan Yamtuan pertama bagi Negeri Sembilan dan bersemayam di Rembau.

Rembau, seperti kebanyakan daerah di Negeri Sembilan mengamalkan sistem Adat Perpatih yang juga mempengaruhi sistem sosial penduduknya. Kehidupan masyarakat tradisi pada dasarnya sangat berpegang kuat kepada hukum-hukum adat. Walau bagaimanapun keadaan tersebut telah berubah pada waktu sekarang. Hanya terdapat beberapa aspek sahaja dari Adat Perpatih yang diamalkan. Ianya hanyalah yang berupa adat istiadat seperti perkahwinan misalnya.

Jika dilihat dari sudut ekonomi, seperti kebanyakan masyarakat Melayu yang lain, penduduk-penduduk Rembau ramai yang terlibat dalam sektor pertanian. Dari sudut sosialnya masyarakat Adat Perpatih terbahagi dalam dua belas suku yang disusurgalurkan dari nisab ibu.

Melalui suku-suku ini wujudlah konsep ruang, perut dan corak. Di dalam sistem adat, terdapat pelbagai jenis hukum dan peraturan yang harus dipatuhi oleh masyarakat. Umpamanya dalam perkahwinan terdapat aturan-aturan tertentu yang dilarang antara pihak-pihak tertentu dalam masyarakat.

Daerah Rembau mengamalkan dualisme dalam sistem politiknya iaitu sistem Adat Perpatih dan sistem birokrasi. Sistem politik berasaskan kepada adat ini dapat dilihat dari jawatan buapak, lembaga dan undang yang dilantik atas dasar permuafakatan semua ahli suku dalam sesebuah perut dan corak. Buapak dan lembaga mempunyai tugas sebagai badan pengadilan yang mewakili perut dan corak masing-masing dalam perkara yang bersangkutan dengan adat.

Undang pula ialah sebuah institusi yang tertinggi dalam sistem politik. Adat Perpatih bagi sesebuah luak. Ia mempunyai bidang tugas yang luas atas kes-kes yang lebih besar. Walaubagaimanapun dengan adanya sistem birokrasi tugas-tugas undang hanya terhad kepada perkara-perkara yang masih tertakluk di bawah peraturan adat.

Dalam sistem sosial setiap masyarakat terdapat stratifikasi sosial yang membezakan antara satu golongan dengan yang lain. Rumah merupakan manifestasi dari stratifikasi sosial ini. Rekabentuk rumah dapat

menggambarkan kedudukan ekonomi, sosial dan politik seseorang dalam masyarakat.

Masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia mempunyai senibina rumah yang tersendiri. Senibina ini berkembang hasil dari alam sekeliling sejarah dan pengaruh-pengaruh asing yang masuk ke Semenanjung. Antara pengaruh-pengaruh ini ialah pengaruh senibina Nusantara seperti pengaruh senibina Bugis di Johor, Minangkabau di Negeri Sembilan, Aceh di Perak di samping pengaruh Siam di utara dan di pantai timur. Selain itu terdapat juga unsur-unsur Cina dan barat.

Hasil dari pengaruh ini maka wujudlah berbagai bentuk rumah. Bentuk-bentuk rumah yang berlainan ini sebenarnya tidaklah menjadi unsur pemecah kepada kebudayaan dan kesenian tempatan malahan dapat memperkayakan lagi koleksi warisan budaya bangsa. Rumah-rumah Melayu diklasifikasikan berdasarkan nama-nama tertentu seperti rumah Melayu Negeri Sembilan, rumah Melayu Melaka, rumah Melayu Tiang Dua Belas Terengganu, rumah limas dan seumpamanya.

Dalam kebanyakan bentuk-bentuk rumah Melayu, rumah Melayu Melaka dianggap lebih 'prominent'. Senibina rumah Melayu mempunyai berbagai keistimewaan dari segi pembinaan, penyusunan ruang dan tumpuan kepada aspek ventilasi serta pengcahayaan. Keistimewaan ini

telah mendorong budayawan tempatan merumuskan satu konsep senibina rumah Melayu yang mempunyai teras yang sama.

Di Negeri Sembilan rumah yang merupakan satu identiti bagi penduduknya ialah dari bentuk bumbung panjang melentik iaitu gaya Minangkabau. Walau bagaimanapun lentikannya tidaklah seperti yang terdapat di tanah Minangkabau tersebut. Hal ini menunjukkan terdapatnya asimilasi antara budaya Minangkabau dengan budaya tempatan. Rumah-rumah bumbung panjang walaupun konsepnya satu namun wujud dalam berbagai bentuk yang dapat ditemui di kebanyakan daerah budaya Negeri Sembilan.

Selain bentuk rumah bumbung panjang terdapat juga rumah bentuk limas. Rumah bumbung limas merupakan bentuk rumah yang popular menggantikan rumah-rumah bentuk bumbung panjang. Masyarakat dapat menerima rumah bentuk limas ini kerana ciri-ciri sifatnya yang dapat memenuhi keperluan keluarga yang telah berubah selaras dengan proses modenisasi.

Rumah bentuk limas walaupun asasnya sama, namun terdapat kelainan-kelainan yang menonjol pada bentuk bumbung, pembahagian ruang dan penambahan bilik yang diselaraskan dengan kehendak keluarga moden. Di samping itu terdapat juga bentuk rumah yang merupakan gabungan antara rumah bentuk bumbung panjang dengan rumah Melayu

Melaka dan rumah bentuk limas.

Dari tinjauan yang dijalankan didapati bentuk rumah tradisi di Rembau didirikan berdasarkan beberapa pengaruh selain ciri Minangkabau yang terlihat pada lentikan bumbungnya. Pengaruh yang ditemui ialah bentuk rumah Melayu Melaka. Ini termasuklah ciri-ciri yang terdapat pada bentuk rumah dan hiasan di bahagian bumbung. "Som" merupakan satu bentuk hiasan berdasarkan pengaruh Cina yang banyak terdapat pada masjid-masjid di Melaka.

Pengaruh ini ditemui di rumah-rumah di Rembau berdasarkan kepada lokasi kedua tempat yang berdekatan. Selain itu antara keduanya telah wujud hubungan yang bersifat politik dan ekonomi sejak zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka lagi.

Rumah kajian merupakan tinggalan warisan yang dikenal sebagai 'telapak undang'. Sebagai sebuah telapak undang ia mempunyai keistimewaan sebagai satu lambang kepada sistem sosial masyarakat tradisi yang didasarkan kepada Adat Perpatih.

Secara keseluruhan rumah kajian ini dapat dibahagikan kepada komponen struktur dan komponen bukan struktur. Komponen-komponen ini diletakkan dalam 3 perenggan iaitu perenggan bumbung rumah, badan rumah dan kaki rumah. Bahagian struktur rumah ini memperlihatkan

keistimewaan senibina rumah Melayu dengan menitikberatkan unsur-unsur penghawaan dan pencahayaan berbanding dengan rumah bentuk moden.

Pada perenggan bumbung perkara yang utama ialah atap dan teba layar di samping elemen seperti ombak-ombak cucur atap, som dan juga buah butun. Setiap satunya mempunyai fungsi dan simbol yang tersendiri.

Pada bahagian badan komponen yang dibincangkan ialah pintu tingkap dan dinding. Tangga dan tiang pula merupakan dua komponen bahagian kaki rumah.

Dari segi pembahagian ruang pula, ia masih lagi berdasarkan konsep seperti rumah Melayu lainnya dengan beberapa ubahsuai. Dari kajian didapati bahawa terdapat spesifikasi ruang bagi kaum wanita dan lelaki, sementara bahagian belakang didominasi oleh golongan wanita.

Pembahagian ruang yang sebegini adalah satu kesan pengaruh Islam yang membataskan pergaulan antara lelaki dan wanita. Ruang-ruang tertentu juga dikhaskan untuk tetamu yang berkunjung. Hubungan antara tetamu dan tuan rumah dapat dikesan daripada penempatan di ruang-ruang tertentu.

Ditinjau dari sudut ukiran pula, didapati bahawa bentuk ukiran pengaruh Minangkabau adalah sukar untuk

ditemui. Motif-motif yang digunakan memperlihatkan unsur dari Cina dan barat. Ini kerana kebanyakan tukang ukir Melayu tidak lagi mempunyai kontek dengan Tanah Minangkabau dan telah terpengaruh dengan unsur-unsur persekitaran.

Selain itu monopoli orang-orang Melayu sebagai tuan binaan telah dipecahkan oleh kaum pendatang seperti Cina yang secara tidak langsung menerapkan pengaruh mereka dalam senibina dan seni ukiran Melayu. Ini diikuti pula oleh hubungan antara si pemilik rumah dengan pihak Inggeris yang saling berkaitan telah memberi kesan kepada motif-motif ukiran.

Secara keseluruhan dapat diperkatakan bahawa senibina rumah Melayu Minangkabau di Rembau tidak lagi mempunyai pengaruh Minangkabau yang kuat. Ini kerana telah berlaku asimilasi antara budaya tempatan dan unsur-unsur persekitaran yang masuk kemudiannya. Pengaruh senibina rumah Melayu Melaka yang ditemui menunjukkan bahawa sebelum kedatangan orang-orang Minangkabau kuasa dan pengaruh kerajaan Melaka itu begitu dominan ke atas Rembau. Pada umumnya Melaka telah muncul sebagai pusat kesenian dan kebudayaan Nusantara pada ketika itu.

## Bibliografi

- Abas bin Hj. Ali, 1953. Rembau : Sejarah Perlembagaan dan Istiadat Rembau, Rembau : Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Istiadat.
- Abdul Halim Nasir.1986. Ukiran Kayu Melayu Tradisi, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Mohammed (Nakula). 1983. "Bentuk-bentuk Bangunan Masjid Kunci Untuk Memahami Kebudayaan Melayu. Lihat Khoo Kay Kim, Beberapa Aspek Warisan Kelantan-II. Kelantan : Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdullah Sidik. 1975. Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah Taib. 1985. Asas-asas Antropologi.Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samad Idris. 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur : Utusan Melayu.
- \_\_\_\_\_. 1970. Hubungan Minangkabau dan Negeri Sembilan dari segi Kebudayaan dan Sejarah. Seremban : Pustaka Asas.
- \_\_\_\_\_. 1990. Payung Terkembang, Kuala Lumpur : Pustaka Budiman.
- Andaya, Leonard Y. 1974. The Kingdom of Johor 1641 - 1728. Kuala Lumpur : Oxford University Press.
- Buyong Hj. Adil. 1981. Sejarah Negeri Sembilan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Briggs, Martin S. 1969. Everymans Concise Encyclopaedia of Architecture. London : J.M. Dent and Sons Ltd.
- Chase, G.H., et. al. 1971. A History of Sculpture. West Port, Connecticut : Greenwood Press Publisher.
- Djauhan Sumintadja. 1989. "Catatan Tentang Makna Bentuk dan Hiasan Senibangunan di Nusantara", Lihat Ismail Hussein et. al. Tamaddun Melayu Jilid 2. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Encyclopaedia of Britanica Vol. 2. 1973. United States of America (USA) : Enclyclopedia Britanica Inc.
- Gibb, Philips. 1987. Images of Asia : Building a Malay House. Singapore : Oxford University Press.

Hooker, M.B. 1970. Reading in Malay Adat Laws, Singapore : Singapore University Press.

\_\_\_\_\_. 1972. Adat Law in Modern Malaya : Land Tenure, The Government and Religion. Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Ismail Hamid. 1988. Masyarakat dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Josseling de Jung, P.E. 1960. Minangkabau and Negeri Sembilan, Social, Political and Economic in Indonesia, Jakarta : Bharata.

Kato, Tsuyoshi. 1989. Nasab Ibu dan Merantau. (terjemahan Azizah Kassim). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo Kay Kim. 1984. Negeri-negeri Melayu Pantai Barat 1850 - 1853 : Kesan-kesan Perkembangan Dagang terhadap politik Melayu. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.

Lim Jee Yuan. 1987. The Malay House : Rediscovery Malaysia Indigenous Shelter System. Penang : Institut Masyarakat.

Maklumat Pertalian di antara Kependudukan dan Pembangunan Negeri Sembilan. 1981. Kuala Lumpur, Lembaga Perancang Negara.

McFee, J. King. 1964. Preparation for Art. California : Woodworth Publishing Co. Inc.

Md. Din bin Jusoh. 1983. "Seni Ukir : Satu Kajian Umum". Lihat Khoo Kay Kim. Beberapa Aspek Warisan Kelantan II. Kelantan : Perbadanan Muzium Kelantan.

Mitchell, G.D. 1979. A New Dictionary of Sociological. London : Paul Routledge and Keegan.

Mohd. Taib Osman. 1989. Masyarakat Melayu Struktur Organisasi dan Manifesti. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nasroen, M.D. et. al. 1970. Sejarah Minangkabau. Jakarta : Bharata.

Navis, A.A. 1984. Alam Berkembang Jadi Guru, Adat dan Kebudayaan Minangkabau. Jakarta : Graviti.

Nordin Selat. 1976. Sistem Social Adat Perpatih. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.

\_\_\_\_\_. 1980. "The Concept of Leadership in Adat Perpatih". Penaung, Kuala Lumpur : Utusan Melayu Print Corp.

Read, Herbert. 1959. The Meaning of Art, Great Britain : Penguin Book Edition.

Rusli Amran. 1981. Sumatera Barat Hingga Pulau Panjang. Jakarta : Penerbit Sinar Harapan.

Suripin, S. 1960. Sejarah Kesenian Indonesia. Jakarta : Pramadya Poramita.

Sheppard, Mubin, "The Royal Pleasure Ground", Malay Decorative Arts and Plastimes. Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Sidi Gazalba, 1977. Pandangan Islam Tentang Kesenian, Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Siti Zainon Ismail. 1986. Rekabentuk Kraftangan Tradisional, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Taylor, E.N. 1970. "The Customery Law of Rembau", Lihat M.B. Hooker. Reading in Malays Adat Laws. Singapore : Singapore University Press.

Vlatseas, S. 1990. A Histoty of Malaysian Architecture. Singapore : Longman Singapore Publishers Pte. Ltd.

Warisan Diraja Negeri Sembilan Darul Khusus. 1990. Seremban, Majlis Belia Negeri Sembilan.

Waterson Roxana, 1990. The Living House. Singapore : Oxford University Press.

Wilkinson, R.J. 1971. "Notes on the Negeri Sembilan (1911)". Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, Oxford University Press.

Wolters, O.W. The Falls of Srivijaya. Kuala Lumpur : Oxford University Press.

Zakaria Ali, 1989. Seni dan Seniman, Esei-esei Seni Halus, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

### Jurnal

Norhalim Ibrahim, "Sistem Masyarakat Negeri Sembilan". Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, 1988/89.

Parr, C.W.G. and Mackarry, W.H. "Rembau : Its History : Constitution and Customs". Journal Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS), Vol. VVI. Part 3, 1910.

Yaakub Idrus. "Keahlian tukang-tukang Melayu dalam bidang Senibina". Warisan, Jurnal Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, 1988/89.

### Kertas Seminar

Abdul Samad Idris. "Adat Perpatih : Nilai dan Falsafahnya". Seminar Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, Universiti Pertanian Malaysia, 1984.

Abdul Rahim Abdullah. "Pengenalan Senibina Melalui Aspek-aspek Fizikal". Seminar Senibina Ke arah Identiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1981.

Haflah Mohd. Piei, "Profail dan Sosio-ekonomi Masyarakat Rembau". Seminar Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, Universiti Pertanian Malaysia, 1984.

Hassan Mohammad, "Pengenalan Senibina Menerusi Cara Hidup", Seminar Senibina Ke arah Identiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1981.

Hijjas Kasturi, "Senibina Serumpun di Semenanjung Tanah Melayu", Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1971.

H.M. Dahlan, "Sistem Ide dan Masyarakat Adat". Seminar Kebangsaan Adat dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang, Universiti Pertanian Malaysia, 1984.

Idris Tain. "Beberapa Konsep Penting Dalam Sistem Adat Perpatih". Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Negeri Sembilan, Majlis Belia Negeri, 1974.

Ikmal Hisham Al-Bakri. "Persejarahan Menyentuh Aspek-aspek seperti bahan, teknik, konsep dan sosial". Seminar Senibina Ke arah Identiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1981.

Muhammad Abdul Jabbar Beg. "Aesthetic Values, Space and Their Manifestation in Architecture". Seminar Senibina Ke arah Identiti Kebangsaan, Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1981.

Parid Wardi Sudin, "Pengenalan Senibina". Seminar Senibina Ke Arah Identiti Kebangsaan. Kuala Lumpur, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, 1981.

Majalah

Abdul Halim Nasir. "Pengenalan Senibina Rumah Tradisi". Dewan Budaya, Ogos, 1984, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. "Rahsia Tangga Yang Belum Terengkap". Dewan Budaya, September 1988, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. "Bumbung Limas". Dewan Budaya, Julai 1989, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. "Ruang dan fungsi rumah Melayu". Dewan Budaya, Sept. 1989, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

\_\_\_\_\_. "Peran". Dewan Budaya, Nov., 1988, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Informan

Encik Abd. Ghani Hassan

Pekerjaan : Tukang kayu

Umur : 66 tahun

Alamat : Kg. Juasseh Tengah, 72000 Kuala Pilah  
Negeri Sembilan.

Puan Hasnah Bidin

Pekerjaan : Suri rumah

Umur : 66 tahun

Alamat : Kg. Kota Lama, 71350 Rembau  
Negeri Sembilan

Puan Habsah Kancil

Pekerjaan : Suri rumah

Umur : 66 tahun

Alamat : Kampung Tanjung, Kota Lama 71350 Rembau  
Negeri Sembilan

Encik Kamaruddin Abdullah

Pekerjaan : Kerja kampung

Umur : 70 tahun


Alamat : Kampung Tanjung, Kota Lama 71350 Rembau  
Negeri Sembilan

Puan Saniah Alias


Pekerjaan : Peniaga kecil


Umur : 30 tahun

Alamat : Kampung Kota Lama, 71350 Rembau  
Negeri Sembilan.




Peta Daerah Rembau 1992. Sumber, Berita Harian  
25.2.92)






TAMPAK HADAPAN




TAMPAK SISI

RUMAH BUMBUNG PANJANG NEGERI SEMBILAN  
BERBANDUNG DAN BERLOTENG.




(Sumber : Abdul Halim Nasir, 1985 : 46).


BUKAAN BUMBUNG RUMAH-RUMAH LIMAS




RUMAH FESYEN BELANDA  
DI TERENGGANU




RUMAH POTONG PERAK  
DI PERLIS




RUMAH LIMAS BUNGKUS  
DI TERENGGANU



RUMAH POTONG PERAK  
DI KEDAH



RUMAH BUJANG BARAT  
DI TERENGGANU



RUMAH POTONG PERAK  
DI KELANTAN

(Sumber : Abdul Halim Nasir, 1985:19).